

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN KASTHURIRAAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]
TARIKH : 24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 31

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dengan jelas langkah-langkah pihak Kementerian dalam membantu memudahkan mekanisme bagi peminjam PTPTN yang mahu membayar balik hutang PTPTN memandangkan masih ada lagi beberapa cawangan PTPTN yang masih tidak memberi kerjasama untuk membantu peminjam-peminjam ini menyelesaikan hutang mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membantu memudahkan urusan peminjam serta pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), sebanyak 68 buah cawangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah dibuka di seluruh negeri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 15 buah cawangan adalah di premis Pusat Transaformasi Bandar (UTC) dan pasaraya terkemuka yang beroperasi tujuh hari seminggu.

Selain itu, PTPTN juga menyediakan pusat panggilan pelanggan (Careline) yang menyediakan khidmat rundingan kepada pelanggan sehingga pukul 10:00 malam. Selari dengan perkembangan teknologi semasa, urusan pembayaran balik pinjaman dan deposit SSPN juga boleh dilaksanakan secara atas talian.

Kakitangan PTPTN di semua cawangan juga sentiasa dilatih dan bersedia untuk memberi kerjasama kepada pelanggan berhubung segala urusan pinjaman atau deposit SSPN.

Sekian, terima kasih.